

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 9 / 3 / 2008

Faktor Nik Aziz sukar digugat

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

PENGARAH Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional (BN), Datuk Dr. Awang Adek Hussin yang kelihatan agak susut dan letih, mengadakan sidang akhbar berseendirian di ibu pejabat UMNO Kelantan pada hari terakhir kempen pilihan raya.

Beliau mengambil masa seketika untuk menjawab pertanyaan sejauh mana peluang UMNO dan BN kali ini, sebelum menyatakan dengan nada bersahaja, peluang tetap ada dalam persaingan yang sengit itu.

Namun peluang itu sudah tertutup untuk sepeinggal lagi buat UMNO dan BN, apabila Pas berjaya membentuk kerajaan malam tadi buat penggal keempat dengan kemenangan begitu besar.

Dengan segala janji yang sarat usaha membawa kesejahteraan selain apa yang telah dilakukan untuk kepentingan rakyat dan negeri, pengundi di Kelantan memperlihatkan mereka masih selesa di bawah kerajaan Pas.

Mereka juga terus menunjukkan ada sesuatu yang tidak dapat disaingi oleh UMNO dan BN bagi meyakinkan mereka untuk menolok Pas dan memberi semula tempat kepada BN.

Meskipun tanda-tanda perubahan sudah mula diperlihatkan pada 2004 dan BN semakin jelas menghalu ke arah kemenangan, cuma dipisahkan dengan dua kerusi, tetapi arus itu berjaya disekat oleh Pas dan barangkali oleh kalangan UMNO sendiri daripada menjadi gelombang.

Jentera UMNO dan BN kali ini yang dikatakan telah bersiap sedia lebih awal dan begitu bersemangat sehingga cukup membimbangkan Pas, tiba-tiba seolah-olah tersentak dan terus lesu selepas penamaan calon yang menimbulkan banyak tanda tanya.

Alasan-alasan lama berulang kedengaran. Seperti biasa, banyak cerita timbul tentang mereka yang kecewa enggan membantu dan sedia membiarkan atau merebahkan kawan di samping tidak cukup kewangan untuk menampung perbelanjaan.

Di sebalik barisan calon yang dianggap terbaik, di-

U.M. 9/3/2008
katakan banyak yang menolok kerana tidak mengambil kira kehendak akar umbi dan dengan peseran di kalangan pemimpin, jentera sudah mula tidak ambil peduli dan memprotes secara senyap melalui undi.

Namun, tentunya ia hanya sebahagian daripada punca yang melengkapkan kekalahan besar ini dan sudah pasti banyak lagi faktor yang menjejaskan peluang BN, berasaskan corak pemikiran dan kesedaran politik rakyat Kelantan.

Pas yang turut berhadapan kemelut yang sama, berjaya mengatasinya dan berdepan dengan BN dalam situasi 'hidup' atau 'mati', lalu mengumpul dan mengerahkan sepenuh kekuatan termasuk dana pilihan raya.

Parti itu dikatakan bukan berada pada kedudukan terkuat. Mereka awalnya menanti pilihan raya denganimbang, malah ada yang dikatakan 'beransur mengunggah barangan peribadi' di pejabat.

Memuncak

Namun keyakinan itu kian bertambah menjelang penamaan calon dan terus memuncak sebagaimana dialami pada Pilihan Raya Umum 1990 yang membolehkan mereka terus berkuasa.

Parti itu sudah menang awal dari segi psikologi apabila poster, banting, sepanduk dan papan iklan menguasai segenap ruang dan kawasan dengan bilangan pos-pos cuma selang beratus meter sepanjang jalan.

Wajah Nik Abdul Aziz dalam keadaan berdoa terpampang di seluruh negeri menenggelamkan poster calon, salah satu strateginya untuk memancing emosi rakyat juga ternyata berjaya.

Mursyidul Am Pas itu masih dilihat dan diakui oleh parti itu sebagai faktor penyatuan dan dapat menarik simpati rakyat agar terus mempertahankan kerajaan pimpinannya sebelum beliau melepaskan jawatan.

Jika Naib Presiden Pas, Datuk Husam Musa mengambil alih jawatan kelak, kalangan pemerhati berpendapat, masa untuk UMNO dan BN menanti untuk menguasai semula kerajaan negeri akan menjadi terlalu panjang.